

Memilih Perkataan Latihan 4

ARAHAN: Pilih perkataan berimbuhan yang sesuai untuk digunakan dalam setiap item di bawah ini. Tuliskan nombor jawapan di tempat kosong.

Pak Abu telah sepuluh tahun menjadi tukang gunting. Kedai guntingnya (1)_____ dengan rumahnya. Dia mula (2)_____ kedainya pada pukul 10 pagi. Pak Abu (3)_____ dua orang pekerja.

Pelanggan Pak Abu (4)_____ daripada kanak-kanak dan orang dewasa. Pak Abu memberi (5)_____ yang sama kepada semua pelanggan pelanggannya. Dia (6)_____ kehendak setiap pelanggannya. Sewaktu menggunting rambut Pak Abu mengambil kesempatan untuk menasihati (7)_____ kepada pelajar-pelajar yang datang (8)_____ di kedainya. Pak Abu (9)_____ mereka seperti anaknya sendiri.

Sungguhpun usia Pak Abu agak lanjut, namun dia sentiasa (10)_____ peredaran masa. Dia (11)_____ demikian agar tidak dikata orang seperti katak di bawah tempurung.

1. 1) berdekatan 2) didekati
3) mendekatkan 4) terdekat
2. 1) dibuka 2) membuka
3) pembukaan 4) terbuka
3. 1) dipunyai 2) kepunyaan
3) mempunyai 4) punyakan
4. 1) berdiri 2) dirikan
3) berdiri 4) terdiri
5. 1) layanan 2) melayan
3) pelayan 4) terlayan
6. 1) difahamkan 2) fahaman
3) memahami 4) pemahaman
7. 1) diutamakan 2) keutamaan
3) utamakan 4) terutama
8. 1) bergunting 2) digunting
3) guntingkan 4) menggunting
9. 1) anggapan 2) beranggap
3) dianggap 4) menganggap
10. 1) berikut 2) diikuti
3) mengikuti 4) terikut
11. 1) berbuat 2) buatan
3) membuatkan 4) perbuatan

Pak Abu tahu kemahuan setiap pelanggannya (12)_____.

Dengan penuh (13)_____ dia melayani kerendah-kerendah mereka.

Sikap Pak Abu yang penyabar ini telah membuat pelanggan-pelanggannya tidak mahu ke kedai lain.

Pada musim (14)_____ kedai Pak Abu sibuk dipenuhi oleh pelanggan. Pendapatannya pada ketika ini agak lumayan. Sungguhpun demikian dia masih (15)_____ sikap berjimat-cermat kerana hidup kita ibarat air laut adakalanya pasang dan adakalanya surut. Pak Abu bersyukur kerana dapat menyara hidup keluarganya.

12. 1) berbeza 2) dibezakan
3) membezakan 4) perbezaan

13. 1) bersabar 2) kesabaran
3) menyabarkan 4) penyabar

14. 1) beraya 2) dirayakan
3) merayakan 4) perayaan

15. 1) amalan 2) beramal
3) diamalkan 4) mengamalkan

PERIBAHASA

Latihan 3.

ARAHAN: Berikan **peribahasa** yang sesuai bagi maksud yang bergaris bawah dalam petikan di bawah ini. Tuliskan huruf jawapan dalam kurungan yang disediakan.

A. ada bakat	B. ada hati
C. air dicencang tidak putus	D. baik budi
E. banting tulang	F. kata putus
G. lapang dada	H. membawa nasib
I. mengorak langkah	J. perlin tenaga
K. putih hati	L. seperti kacang lupakan kulit
M. tahan hati	N. tangan terbuka
O. tolak ansur	

Samsul seorang peniaga sebuah syarikat komputer. Dia telah dilantik oleh persatuan belia di tempatnya untuk memimpin anak-anak muda yang (1)ingin

menceburkan diri () dalam bidang perniagaan. Samsul memang

(2)berkebolehan () dalam bidang tersebut. Sebelum ini, dia pernah membantu perniagaan abangnya. Oleh kerana tiada kesefahaman, Samsul membuat

(3)keputusan terakhir () untuk mengundur diri.


Dia telah berhijrah ke tempat lain untuk (4)mencuba penghidupannya ()

di sana. Di situlah dia telah bekerja (5)bertungkus-lumus () demi masa

depannya. Dalam masa yang sama, Samsul juga meningkatkan diri dengan

mengikuti berbagai kursus. Daripada seorang pekerja biasa, dia(6)**berusaha sedaya upaya** () hinggalah dilantik menjadi seorang penyelia.

Samsul sangat disenangi oleh semua pekerja di syarikatnya kerana dia (7)**berakhlak mulia**. () Walaupun dia berada jauh daripada keluarga tetapi hatinya masih lagi mengingati mereka. Dia bercadang untuk pulang dan bertemu abangnya kerana (8) **dua orang yang bersaudara tidak dapat dipisahkan oleh perselisihan faham**. () Dia percaya bahawa abangnya akan (9)**menerima kedatangannya dengan gembira**. () Niatnya yang(10)**ikhlas**, () kepulangannya semata-mata untuk menjalin semula hubungan kekeluargaan. Dia tidak berniat untuk berbangga apatah lagi untuk membalas dendam.



KEFAHAMAN SUBJEKTIF LATIHAN 4

ARAHAN : Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan yang mengikutinya.

Jam di dinding sudah menunjukkan pukul 12 tengah malam. Azhar masih tidak dapat melelapkan matanya. Dia masih tidak dapat melupakan kejadian pagi tadi. Dia benar-benar tidak percaya bahawa dia telah kalah dalam pertandingan badminton itu.

Kekalahan itu sama sekali tidak **diduga** oleh Azhar kerana dia tidak pernah **kecundang** dalam sebarang pertandingan badminton yang disertainya selama ini. Di samping itu, dia telah **giat** berlatih selama tiga bulan yang lepas. Dia juga tahu bahawa kawan-kawan serta para penyokongnya berasa kecewa dengan kekealahannya itu.

“Aku benar-benar kecewa dengan kekalahan pagi tadi. Aku tidak mahu bermain lagi. Aku berasa malu dengan kamu semua,” kata Azhar dengan nada kecewa.

“Kalau kamu tidak mahu bermain siapa lagi yang akan mewakili sekolah kita nanti?” tanya Janet. Azhar hanya mendiamkan diri.

“Yalah, Azhar. Kamulah satu-satunya pemain harapan sekolah ini. Janganlah hampakan kami semua! Kami tetap akan memberikan sokongan padu kepada kamu dalam pertandingan yang akan datang,” pujuk Siti.

“Aku takut kalau-kalau aku tidak dapat menundukkan pihak lawan nanti. Aku dengar pemain sekolah itu tidak kurang hebatnya,” terang Azhar.

“Kami tahu bahawa kami menaruh harapan yang besar kepada kamu. Bagaimanapun, kami tidak akan menyalahkan kamu jika kamu kalah dalam pertandingan itu nanti. Bukankah kalah dan menang itu adat dalam sesuatu pertandingan?” nasihat Janet.

Kata-kata itu masih jelas dalam ingatan Azhar. Azhar sedar bahawa pasukan badminton sekolahnya amat memerlukannya untuk mengekalkan kejuaraan mereka.

“Aku sepatutnya membuktikan bahawa aku masih kuat dalam permainan badminton. Aku tidak patut mudah mengaku kalah. Betul, aku harus mempunyai keyakinan diri,” bisik hati kecil Azhar.

ARAHAN: Berdasarkan petikan karangan di halaman sebelah, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu itu dalam tempat kosong yang disediakan.

1. Siapakah Azhar? (2 markah)

Markah yang diperoleh	
-----------------------	--

2. Azhar masih belum dapat meletakkan matanya. Berikan sebabnya. (2 markah)

Markah yang diperoleh	
-----------------------	--

3. Jelaskan mengapa Azhar tidak dapat menerima kemenangan kekalahannya di dalam pertandingan pagi itu. Berikan **dua** bukti. (4 markah)

Markah yang diperoleh	
-----------------------	--

4. Mengapa Azhar tidak mahu bermain lagi ? (4 markah)

Markah yang diperoleh	
-----------------------	--

5. Berikan **dua** nasihat yang diberikan oleh kawan-kawan Azhar kepadanya agar dia terus bertanding. (4 markah)

Markah yang diperoleh	
-----------------------	--

SOALAN 32 - SOALAN 35 (8 MARKAH)

ARAHAN: Isi setiap tempat kosong dalam dialog di bawah ini dengan frasa yang paling sesuai mengikut konteks. Kemudian, tulis angka jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

- (1) klinik Tampines
- (2) terjatuh dari basikal
- (3) untuk memberi tahu
- (4) mesti menendang bola
- (5) hendak tunjukkan surat
- (6) akan berlatih dan bermain

- Jurulatih : Samad, hari ini saya hendak awak berlatih bersungguh-sungguh.
- Samad : Saya berjanji, saya (32) _____ bersungguh-sungguh.
- Jurulatih : Baguslah kamu begitu. Saya hendak awak buktikan.
- Samad : Sebelum saya mula berlatih, saya (33) _____ daripada doktor.
- Jurulatih : Sebenarnya, apa yang telah terjadi pada awak?
- Samad : Dua minggu yang lalu, saya (34) _____. Lutut saya bengkak. Doktor mengesahkan tempurung lutut saya retak.
- Jurulatih : Mengapa awak tidak memberi tahu saya.?
- Samad : Seminggu saya di hospital. Tidak sempat (35) _____ sesiapa pun.
- Jurulatih : Awak sudah betul-betul sembuh?
- Samad : Kata doktor lutut saya sudah sembuh. Saya boleh berlatih semula.

Markah yang diperoleh	
--------------------------	--

SOALAN 34 – SOALAN 40 (22 MARKAH)

Arahan : Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan yang mengikutinya.

Pak Ali seorang nelayan. Dia mewarisi pekerjaan ayahnya. Dia telah menjadi nelayan hampir 30 tahun lamanya. Dia menyara kehidupan keluarganya sejak **usianya** masih muda. Sebelum matahari terbit Pak Ali dan beberapa orang rakan bersiap untuk turun ke laut.

Setiap hari dia akan bangun seawal 3 pagi untuk menyiapkan barang-barang keperluan untuk dibawa ke laut. Dengan menggunakan sebuah bot yang sederhana besarnya dia menuju ke laut dengan membawa pelbagai peralatan untuk menangkap ikan. Botnya dilengkapi dengan jaring, pukot dan tempat untuk menyimpan tangkapan. Botnya akan menuju ke tengah laut dengan harapan memperoleh tangkapan yang banyak. Begitulah kerja Pak Ali bertungkus-lumus dalam mencari sesuap nasi.

Tiba di tengah laut, dia mula memasang pukot dan jaringnya. Pak Ali dan beberapa orang rakannya berehat sebentar untuk menghilangkan lelah masing-masing. Kemudian mereka akan makan bekalan yang dibawa untuk mengalas perut. Mereka mengisi masa dengan bertutur wal sambil bergurau senda dalam menunggu ikan memasuki jaring. Merakalah rakan yang bersusah senang bersama Pak Ali. Pernah sekali bot Pak Ali rosak, tetapi dia membawa Pak Ali menaiki botnya pergi menangkap ikan.

Kira-kira sejam kemudian Pak Ali akan mengarahkan kepada rakan-rakannya supaya mengangkat jaring. Mereka tersenyum riang apabila melihat jaringnya dipenuhi ikan. Ikan-ikan tersebut dimasukkan ke dalam tong-tong yang telah disediakan.

Setelah puas dengan tangkapan pada hari tu, Pak Ali memandu botnya menuju ke pelabuhan. Hasil tangkapannya dijual kepada peraih yang sedia menunggu. Wang yang diperolehi dibahagi dengan rakan-rakan yang lain. Pak Ali selalu memastikan semua rakan-rakannya mendapat hasil untung yang sama dan tidak kurang walau sedikit

Arahan : Berdasarkan petikan karangan di halaman sebelah, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu itu dalam tempat kosong yang disediakan.

34. Apakah pekerjaan keluarga Pak Ali? (2 markah)

Markah yang diperoleh	
--------------------------	--

35. Bilakah Pak Ali memulakan tugasnya? (2 markah)

Markah yang diperoleh	
--------------------------	--

36. Bagaimanakah cara Pak Ali menapakkan di tengah laut? (2 markah)

Markah yang diperoleh	
--------------------------	--

37. Berikan dua bukti yang menunjukkan Pak Ali seorang yang rajin (4 markah)

Markah yang diperoleh	
--------------------------	--

(lihat halaman sebelah)

38. Pak Ali mempunyai rakan-rakan yang baik hati. Berikan dua bukti untuk menyokong pernyataan ini. (4 markah)

Markah yang diperoleh	
--------------------------	--

39. Nyatakan satu sifat positif yang ditunjukkan oleh Pak Ali terhadap rakan-rakannya. Berikan bukti bagi menyokong jawapan kamu. (4 markah)

Markah yang diperoleh	
--------------------------	--

40. Terdapat perkataan dalam petikan yang mempunyai maksud yang sama dengan frasa di bawah. Kenal pasti perkataan tersebut. Kemudian, tulis jawapan kamu di tempat kosong yang disediakan

- i) tempat persinggahan kapal (1markah)

Markah yang diperoleh	
--------------------------	--

- ii) penat (1markah)

Markah yang diperoleh	
--------------------------	--

Selesai